

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	2 October 2015

Bukti asas ekonomi Malaysia kukuh

um - 2/10/2015

KUALA LUMPUR 1 Okt. - Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan kejayaan Malaysia menduduki tempat ke-18 dalam senarai terkini ekonomi paling berdaya saing di dunia sebagai mencerminkan asas ekonomi negara yang kukuh.

Perdana Menteri berkata, beliau mengalu-alukan penarafan yang diberikan Forum Ekonomi Dunia (WEF) dalam Laporan Daya Saing Global 2015-2016 yang diterbitkan semalam.

Menurut beliau, penarafan terbaru itu menyaksikan Malaysia maju dua tangga berbanding ke-20 dalam Laporan Daya Saing Global 2014-2015.

"Namun, kita tidak boleh leka dan perlu meneruskan fokus dalam dasar transformasi serta inovasi agar ekonomi kita lebih berdaya saing dan kukuh," katanya dalam satu kenyataan melalui laman Facebook beliau hari ini.

Laporan tersebut turut meletakkan Malaysia di tangga keenam dalam kalangan 10 ekonomi paling berdaya saing di Asia Pasifik, mengatasi Australia, Korea Selatan, China dan Thailand.

Malaysia yang diberi penarafan 5.2 mata juga menduduki tempat pertama dalam kalangan 15 negara sedang membangun di Asia sekali gus meletakkan negara ini di atas China, Thailand, Indonesia, Filipina, India, Vietnam, Sri Lanka, Laos, Kemboja, Nepal, Mongolia, Bhutan, Bangladesh dan Myanmar.

Penarafan dirumus berdasarkan 12 teras iaitu institusi, infrastruktur, persekitaran makro ekonomi, kesihatan dan pendidikan rendah, pengajian tinggi dan latihan, kecekapan pasaran barangan, kecekapan pasaran buruh, pembangunan pasaran kewangan, kesiapsiagaan teknologi, saiz pasaran, kecanggihan sektor perniagaan serta inovasi.

Menurut laporan berkenaan, Malaysia berada dalam kalangan 50 negara terbaik dalam setiap 12 teras terbabit dengan menduduki tempat keenam dari segi kecekapan pasa-

info

INDEKS DAYA SAING GLOBAL

Ekonomi	Penarafan
1. Switzerland	5.8
2. Singapura	5.7
3. Amerika Syarikat	5.6
4. Jerman	5.5
5. Belanda	5.5
6. Jepun	5.5
7. Hong Kong	5.5
8. Finland	5.5
9. Sweden	5.4
10. United Kingdom	5.4
11. Norway	5.4
12. Denmark	5.3
13. Kanada	5.3
14. Qatar	5.3
15. Taiwan	5.3
16. New Zealand	5.3
17. Emiriah Arab Bersatu	5.2
18. MALAYSIA	5.2
19. Belgium	5.2
20. Luxembourg	5.2

ran barangan dan tempat kesembilan bagi pembangunan pasaran kewangan.

Laporan Daya Saing Global 2015-2016 menilai landskap daya saing 140 ekonomi di dunia sekali gus berperanan sebagai petunjuk mengenai faktor-faktor yang mendorong produktiviti dan kemakmuran negara-negara terbabit.

Laporan itu merupakan penilaian paling menyeluruh tentang daya saing 140 negara di peringkat antarabangsa.